

28 AUG 2003

Sabah-Projek

PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN DI SABAH LANCAR

KOTA KINABALU, 28 Ogos (Bernama) -- Pelaksanaan projek-projek pembangunan di Sabah berjalan lancar hasil kerjasama erat di antara pegawai kerajaan negeri dan persekutuan serta wakil rakyatnya yang sanggup turun padang, kata Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk K.Y. Mustafa.

Beliau berkata pencapaian pelaksanaan projek-projek di Sabah adalah setara dengan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi persekutuan.

Selain itu, katanya kerajaan negeri juga sering mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi yang terlibat di dalam projek-projek pembangunan bagi menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

Antara hasil daripada mesyuarat itu ialah mempercepatkan proses pengambilan tanah yang dahulu menjadi masalah besar dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan, katanya kepada pemberita pada konvensyen sehari MS ISO 9000:2000 di sini hari ini.

Konvensyen bertema "Perkhidmatan Berkualiti, Pelanggan Berpuas hati" itu dianjurkan bersama oleh Jabatan Ketua Menteri Sabah, Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu), Sirim Bhd dan Perbadanan Pinjaman Sabah.

"Pada pendapat saya, Sabah tidak ketinggalan jauh daripada segi sokongan kepada kerajaan dalam melaksanakan program pembangunan. Kita tiada kejadian bangunan makmal komputer sekolah runtuh dan sebagainya," kata beliau.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memuji pelaksanaan projek-projek pembangunan di Sabah terutamanya pembinaan makmal-makmal komputer di sekolah yang tidak menghadapi masalah seperti di Semenanjung, semasa beliau melakukan lawatan rasmi ke Sabah awal bulan ini.

-- BERNAMA

MK RHM